BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/13/06

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Jumaat, 15 November 2013

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2013

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.0% pada suku ketiga

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.0% pada suku ketiga (S2 2013: 4.4%). Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dengan mencatat peningkatan sebanyak 8.3% (S2 2013: 7.4%), manakala sektor eksport kembali pulih untuk berkembang sebanyak 1.7% (S2 2013: -5.2%). Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku ketiga, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh dan aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi global yang sederhana pada suku ketiga menyokong pemulihan eksport. Pasaran kewangan antarabangsa, bagaimanapun, mengalami turun naik yang lebih ketara dalam keadaan ketidaktentuan dasar fiskal dan monetari di ekonomi maju, terutamanya di Amerika Syarikat (AS). Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), ekonomi telah berkembang sebanyak 1.7% (S2 2013: 1.4%).

Ekonomi berkembang pada suku ketiga
(pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 8.2% (S2 2013: 7.2%), disokong oleh keadaan guna tenaga dan pertumbuhan upah yang mampan. Pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana kepada 7.8% (S2 2013: 11.8%) pada suku ketiga, mencerminkan terutamanya perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar mencatat pertumbuhan yang lebih baik kepada 8.6% (S2 2013: 6.0%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor swasta. Pelaburan swasta berkembang sebanyak 15.2% (S2 2013: 12.7%), didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan serta projek-projek yang sedang dilaksanakan dalam sektor minyak dan gas. Sementara itu, pertumbuhan pelaburan awam bertambah baik tetapi kekal lemah pada -1.3% (S2 2013: -6.4%). Pelaburan awam didorong terutamanya oleh pelaburan perusahaan awam dalam sektor pengangkutan, utiliti dan gas.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi meningkat pada suku ketiga. Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus berkembang, disokong oleh permintaan dalam negeri serta aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong terutamanya oleh pengeluaran tanaman makanan, manakala pertumbuhan yang lebih sederhana dalam sektor perlombongan mencerminkan pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih rendah. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang mampan, didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Pertumbuhan turut disokong oleh subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 2.2% pada suku ketiga (S2 2013: 1.8%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan serta makanan* dan *minuman bukan alkohol*.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa telah meningkat kepada RM9.8 bilion pada suku ketiga, bersamaan dengan 4.1% daripada Pendapatan Negara Kasar (S2 2013: RM2.6 bilion atau 1.1% daripada PNK), disebabkan oleh lebihan yang lebih tinggi dalam akaun barangan. Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM11.5 bilion (S2 2013: aliran masuk sebanyak RM5.2 bilion), disebabkan aliran masuk bersih pelaburan langsung telah diimbangi oleh aliran keluar daripada pelaburan portfolio dan pelaburan lain. Imbangan pembayaran keseluruhan telah mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM11.8 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM1.5 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM444.6 bilion (bersamaan dengan USD136.5 bilion) pada 30 September 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2013, kedudukan rizab berjumlah RM446.2 bilion (bersamaan dengan USD137.1 bilion), memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 3.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada 3.00% pada suku ketiga. Pada paras semasa OPR, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang secara relatif kekal stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) bank perdagangan juga kekal tidak berubah pada 6.53%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul terus mencatat trend yang sederhana secara beransur-ansur (akhir bulan September 2013: 5.40%; akhir bulan Jun 2013: 5.43%).

Agregat monetari terus mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM10.9 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.9% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 12.5%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM16.4 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 8.5%). M3 terus berkembang pada suku ketiga disebabkan pemberian pinjaman kepada sektor swasta oleh sistem perbankan serta tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih tinggi.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM260.5 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM251.0 bilion). Pinjaman sistem perbankan terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2013: 9.1%), manakala dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM20.1 bilion pada suku ketiga (S2 2013: RM13.9 bilion).

Pasaran pertukaran asing mengalami turun naik pada suku ketiga. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau. Ringgit berserta kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS berikutan jangkaan pengecilan program pembelian aset oleh Federal Reserve AS yang telah menyebabkan kebalikan aliran modal daripada kebanyakan pasaran kewangan serantau. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.4% berbanding dengan dolar AS pada suku ketiga. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (7.8%), euro (5.6%) dan yen Jepun (3.3%), serta berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau antara 1.7% hingga 8.5%. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia sebanyak 14.6%.

Antara 1 Oktober hingga 13 November, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.5%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (3.3%), yen Jepun (3.1%), dan euro (2.0%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai antara 0.9% hingga 2.2% pada tempoh tersebut.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan sepanjang suku ketiga, meskipun pasaran kewangan global dan domestik mengalami turun naik yang lebih ketara. Pengantaraan kewangan domestik terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang teguh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal kekal melebihi paras keperluan minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 12.1%, 13.0% dan 14.4%. Begitu juga, nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 236.7% (S2 2013: 229.5%), dengan penampan modal lebihan sebanyak RM27.4 bilion.

Permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, kemunculan tanda-tanda pemulihan dalam ekonomi maju utama dijangka menyokong pertumbuhan global keseluruhan. Ketidaktentuan mengenai pelarasan dasar fiskal dan monetari dalam ekonomi ini, bagaimanapun, dijangka mempengaruhi sentimen pasaran dan prospek pertumbuhan keseluruhan dalam ekonomi global. Walaupun limpahan dasar global dijangka memberikan sedikit kesan kepada Asia, pertumbuhan akan terus disokong oleh permintaan dalam negeri.

Bagi ekonomi Malaysia, pemulihan secara beransur-ansur dalam sektor luaran akan menyokong pertumbuhan. Permintaan dalam negeri daripada sektor swasta akan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam keadaan konsolidasi sektor awam yang berterusan. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal pada kadar yang stabil.

Bank Negara Malaysia
15 November 2013

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.3	0.6	5.6	6.0	0.4	2.1
Perlombongan	8.4	-1.2	4.2	-1.9	4.1	1.7
Perkilangan	24.9	3.3	5.7	0.3	3.5	4.2
Pembinaan	3.5	17.9	17.6	14.2	9.9	10.1
Perkhidmatan	54.6	7.0	6.4	6.1	5.0	5.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.3**	**6.5**	**4.1**	**4.4**	**5.0**
KDNK Benar (Pelarasan musim suku tahunan)	**-**	**1.0**	**2.2**	**-0.3**	**1.4**	**1.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2005)

	2012		2013		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	11.4	7.8	8.2	7.4	8.3
Penggunaan	7.4	4.9	6.2	8.1	8.1
Sektor swasta	*8.6*	*6.2*	*7.5*	*7.2*	*8.2*
Sektor awam	*2.4*	*1.2*	*0.6*	*11.8*	*7.8*
Pembentukan Model Tetap					
Kasar	22.3	16.0	13.1	6.0	8.6
Sektor swasta	*22.4*	*20.1*	*10.8*	*12.7*	*15.2*
Sektor awam	*22.2*	*12.9*	*17.3*	*-6.4*	*-1.3*
Eksport Bersih	-47.6	-9.3	-36.4	-41.6	1.6
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-2.5*	*-1.6*	*-0.6*	*-5.2*	*1.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*4.5*	*-0.6*	*3.6*	*-2.0*	*1.8*
KDNK	**5.3**	**6.5**	**4.1**	**4.4**	**5.0**
KDNK (Pelarasan musim suku tahunan)	**1.0**	**2.2**	**-0.3**	**1.4**	**1.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia